



26 Disember 2013
26 December 2013
P.U. (A) 373

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN TENAGA BOLEH BAHARU (KRITERIA BAGI SUMBER BOLEH BAHARU) (PINDAAN) 2013

RENEWABLE ENERGY (CRITERIA FOR RENEWABLE RESOURCES) (AMENDMENT) REGULATIONS 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA TENAGA BOLEH BAHARU 2011

PERATURAN-PERATURAN TENAGA BOLEH BAHARU (KRITERIA BAGI SUMBER BOLEH BAHARU) (PINDAAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 60(a) Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [*Akta 725*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Tenaga Boleh Baharu (Kriteria bagi Sumber Boleh Baharu) (Pindaan) 2013**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

Pindaan Jadual

2. Jadual kepada Peraturan-Peraturan Tenaga Boleh Baharu (Kriteria bagi Sumber Boleh Baharu) 2011 [*P.U. (A) 383/2011*] dipinda—

(a) dalam teks bahasa kebangsaan, berhubung dengan butiran 1, dalam ruang (2), dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “baja” dengan perkataan “bahan buangan haiwan”; dan

(b) dengan memasukkan selepas butiran 4 butiran yang berikut:

(1)	(2)
<i>Sumber boleh baharu</i>	<i>Kriteria</i>
“5. Geoterma	(a) Suatu sumber yang terhasil dan tersimpan dalam takungan geoterma bawah tanah yang terletak di Malaysia; dan
	(b) Terdiri daripada wap, air atau kombinasi kedua-dua wap dan air.”.